

# National Geographic, Finas buat filem dokumentari

KUALA LUMPUR 2 Okt. - Perbadanan Filem Nasional (Finas) dengan kerjasama National Geographic Channels International (NGCI) akan menghasilkan filem dokumentari definisi tinggi (HD) bernilai RM720,000 sebelum 31 Ogos tahun depan.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim berkata, program usaha sama ini akan menampilkan pengisian 'Malaysia di Mata Dunia' yang memperkenalkan cara hidup dan sifat Malaysia sebenarnya.

"Tema filem itu akan disusun oleh para penerbit tempatan bersama juruteknik dan pakar dari Finas dengan bantuan Naib Presiden Produksi NGCI, Bryan Smith yang akan melaksanakan program kepakaran dan pemindehan teknologi," katanya selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian, bersama antara Finas dan NGCI, di sini hari ini.

Menurutnya, penerbitan filem dokumentari yang memerlukan kepakaran tinggi itu dirancang sejak setahun setengah lalu tetapi direalisasikan setelah Finas melantik Ketua Pengarahnya, Mohd. Mahyidin Mustakim baru-baru ini.

Dalam pada itu, beliau memberitahu kompleks Finas yang bernilai RM.30juta akan memulakan pembinaannya selepas Aidilfitri dan dijangka siap dalam

tempoh 18 bulan.

Kompleks itu akan mempunyai Studio Digital Mixstage tertinggi empat tingkat dan dilengkapi dengan kemudahan antaranya audio dubbing, mixstage, foley dan kamera bunyi optikal.

Beliau menambah, Finas akan melatih kakilangannya untuk menerbitkan filem dokumentari sebaik sahaja selesai usaha sama dengan NGCI.

Berhubung bengkel sehari 'Malaysia ke Dunia HD' yang dikendalikan oleh NGCI dengan penyertaan para penerbit filem tempatan hari ini, Rais berkata, bengkel itu akan dipanjangkan kepada Akademi Seni dan Warisan Negara dan juga kepada universiti-universiti tempatan.

Sementara itu, Bryan memberitahu, memandangkan teknologi HD dalam filem dokumentari mendapat permintaan tinggi di negara-negara maju seperti Jepun, Amerika Syarikat, Taiwan dan Australia, sudah sampai masanya Malaysia turut menggunakan teknologi tersebut.

"Permintaan seumpama itu akan datang ke Malaysia dan di sinilah terdapatnya nilai komersial yang tinggi," kalanya.

Beliau turut mempelawa syarikat-syarikat filem tempatan menyerahkan cadangan filem dokumentari yang akan ditaja di bawah skim usaha sama itu pada 15 November ini.